Global Institute of Studies (GIS) komited dalam menyediakan sistem pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan teori, latihan amali dan praktikal. Kami berazam menjadi yang terbaik dalam setiap program dan kursus yang ditawarkan. Kami juga menyediakan ruang pembelajaran yang kondusif dan interaktif bagi merealisasikan objektif sistem pengajaran dan pembelajaran.

FASILITI

DIPLOMA PELANCONGAN & PENGURUSAN HOTEL (A6130)

Pelancongan merupakan salah satu industri yang pesat membangun. Sehubungan dengan itu, GIS menawarkan program untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran holistik dalam bidang pengurusan hotel, perlancongan dan hospitaliti. Pelajar juga diberi pendedahan berkaitan dengan industri seperti operasi kaunter perkhidmatan hotel dan agen pelancongan, penyambut tetamu, operasi restoran dan lain-lain. Proses pengajaran dan pembelajaran di GIS adalah berasaskan teori dan latihan praktikal. Dengan menceburi bidang ini, pelajar mempunyai peluang kerjaya yang cerah kerana industri ini berkembang dengan pesat dan memerlukan generasi muda yang dinamik, berpengtahuan dan berkemahiran.

Peluang pekerjaan

- Eksekutif Penjualan dan Tempahan Tiket
- Perunding / Koordinator Pelancongan
- Eksekutif Penyambut Tetamu
- Eksekutif Pengurusan
- Koordinator Majlis

DIPLOMA PERAKAUNAN (MQA/PA1185)

Dalam pembangunan sesebuah institusi, bidang perakaunan penting untuk memastikan institusi berkenaan terus mampan dan berkembang maju. Program yang ditawarkan di GIS adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengurusan perakaunan dan kewangan. Antaranya ialah pengurusan akaun, pengurusan kewangan, statistik, pengurusan cukai, undang-undang institusi perniagaan dan lain-lain. Graduan boleh menjadikan bidang ini sebagai batu loncatan untuk terus maju dalam bidang perakaunan sebagai kerjaya pilihan.

Peluang pekerjaan

- Pembantu Eksekutif Kewangan / Akaun
- Pembantu Pegawai Taksiran Cukai
- Pembantu Pegawai Bank / Intitusi
- Pembantu Penganalisis Bajet
- Pembantu Akauntan
- Pembantu Auditor

DIPLOMA SENI KULINARI (MQA/FA0235)

Kerjaya dalam bidang seni kulinari berpotensi untuk diperkembangkan ke peringkat yang lebih tinggi terutama dalam industri hospitaliti di dalam dan luar negara. Sehubungan dengan itu, GIS menawarkan program kepada pelajar yang berminat untuk menceburi bidang seni kulinari dengan lebih mendalam. Silibus yang disediakan merangkumi asas penyediaan dan pembuatan makanan, pramusaji makanan, penyeliaan makanan dan restoran dan lain-lain. Pelajar juga diberi pendedahan berkaitan dengan kemahiran pembuatan dan penyajian makanan bertaraf lima bintang selari dengan perkembangan terkini bidang seni kulinari. Graduan yang tamat pengajian di GIS akan menjadi lebih terampil untuk menceburkan diri dalam industri kulinari dan hospitaliti.

Peluang pekerjaan

- Pengusaha Katering / Restoran
- Pembantu Penyedia Makanan
- Chef Peribadi / Chef Selebriti
- Chef Eksekutif
- Penyelia F&B

DIPLOMA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (MQA/PA1037)

Bidang pengurusan dan pentadbiran perniagaan merupakan satu bidang yang berkembang secara meluas sama ada di dalam negara atau luar negara. Justeru itu, GIS telah menyediakan program khas bagi pelajar yang ingin mendalami dan memahami bidang pengurusan dan pentadbiran perniagaan dengan lebih khusus. Selain itu, pelajar juga diberi pendedahan untuk menguasai pelbagai kemahiran seperti kemahiran komunikasi, pentadbiran perniagaan, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pemasaran dan lain-lain. Graduan yang tamat program di GIS dapat menjadikan program ini sebagai titik permulaan kerjaya dalam bidang pengurusan dan pentadbiran perniagaan.

Peluang pekerjaan

- Eksekutif Pengurusan
- Eksekutif Pemasaran
- Eksekutif Pengurusan
- Eksekutif Kewangan
- Usahawan

DIPLOMA PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH (MQA/FA0612)

Pada masa kini, institusi perkembangan dan pendidikan kanak-kanak amat pesat membangun dan mendapat permintaan yang tinggi. Oleh itu, tenaga pendidik yang berpengetahuan dan berkemahiran amat diperlukan untuk membantu dalam perkembangan pendidikan kanak-kanak. Justeru itu, GIS menawarkan program untuk melahirkan tenaga pengajar yang berpengetahuan dalam asas pendidikan awal kanak-kanak yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS). Antaranya ialah pendekatan kepada perkembangan pendidikan awal kanak-kanak yang holistik, keselamatan dan pemakanan untuk kanak-kanak, memahami psikologi kanak-kanak dan lain-lain. Pelajar akan diberikan latihan yang menyeluruh secara teori dan latihan praktikal bagi membentuk pelajar menjadi tenaga pendidik yang berketerampilan dan dinamik.

Peluang pekerjaan

- Tenaga pengajar TASKA/TADIKA/Pusat Perkembangan Minda
- Pengusaha TASKA/TADIKA/Pusat Perkembangan Minda
- Pengurus TASKA/TADIKA/Pusat Perkembangan Minda
- Penyelia TASKA/TADIKA/Pusat Perkembangan Minda
- Perunding Pendidikan Awal Kanak-kanak

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (MQA/PA6140)

Sektor kejuruteraan mekanikal merupakan sektor yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi pada masa kini. Oleh itu, program yang direka khas ini merangkumi pengetahuan dan kemahiran asas dalam pembinaan bangunan seperti pemasangan, penyeliaan dan penyelenggaraan sistem mekanikal dan elektrik. Pelajar akan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran asas seperti menyelia dan menyelenggara sistem mekanikal dan elektrik, lukisan kejuruteraan dan CAD, pengendalian dan pengurusan bahan, penyelenggaraan bangunan dan lain-lain yang berkaitan. Pengajaran dan pembelajaran di GIS berasaskan teori dan latihan praktikal untuk memberi pendedahan tentang kejuruteraan mekanikal kepada pelajar. Graduan GIS yang menceburkan diri dalam sektor ini berpotensi tinggi mendapatkan pekerjaan kerana Malaysia antara negara yang sedang pesat membangun.

Peluang pekerjaan

- Penolong Jurutera Mekanikal
- Pegawai Penyelenggara
- Jurulukis Kejuruteraan
- Penyelia Juruteknik
- Pembantu Teknikal
- Pembantu QA / QC

DIPLOMA PENGURUSAN AUTOMOTIF (MQA/PA4222)

Bidang automotif ialah bidang yang berkembang dengan pesat di Malaysia. Tenaga mahir dalam bidang berkenaan amat diperlukan untuk memenuhi permintaan semasa. Oleh itu, GIS menawarkan program yang menekankan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam proses pengurusan dan penyelenggaraan automotif. Pelajar juga dilengkapkan dengan kemahiran yang berkaitan dengan standard dan prosedur yang ditetapkan seperti pemasanagn komponen automotif, sistem enjin, sistem transmisi, penyelia automotif dan lain-lain. Pengajaran dan pembelajaran di GIS berasaskan teori dan latihan praktikal dapat membantu pelajar menguna pakai pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh. Oleh yang demikian, graduan dapat menyumbangkan kemahiran yang dimiliki di dalam dunia pekerjaan kelak.

Peluang pekerjaan

- Penasihat Pusat Servis Automotif
- Perunding Automotif
- Juruteknik Bengkel
- Penyelia Bengkel
- Mekanik

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (MQA/PA5688)

Tenaga mahir dalam bidang ini amat diperlukan bagi memenuhi kehendak dan keperluan semasa. Hal ini kerana, kemahiran kejuruteraan elektrik dan elektronik digunakan dalam industri penyelenggaraan bangunan, teknologi maklumat dan lain-lain. Oleh itu, GIS menyediakan program khusus yang merangkumi kemahiran pemasangan dan penyelenggaraan sistem elektrik dan elektronik. Pelajar akan diberi pendedahan berkaitan kemahiran pemasangan sistem elektrik dan elektronik dalam bangunan, prosedur penggunaan peralatan, lukisan elektrik dan eletronik dan lain-lain yang berkaitan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang disediakan berasaskan teori dan latihan praktikal untuk memberi pendedahan kepada graduan supaya lebih berketerampilan dan berdaya saing.

Peluang pekerjaan

- Pembantu Penyelenggara Bangunan
- Juruteknik Servis / Penyelenggara Elektrik
- Pendawai Elektrik Bangunan
- Pembantu Jurutera Elektrik
- Pembantu QA / QC